

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12/05/2008

Ahmad Sarji dianugerah Tokoh Melayu Terbilang

UM-12/5/2008

KUALA LUMPUR 11 Mei - Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid yang dipilih sebagai Tokoh Melayu Terbilang mahu orang Melayu memiliki lima bentuk minda bagi menjamin kejayaan serta daya tahan mereka pada masa depan.

Beliau berkata, minda tersebut ialah minda berdisiplin, minda sintesis, minda kreatif, minda menghormati dan minda beretika.

Sehubungan itu, beliau berharap UMNO menjalankan penyelidikan tentang cara-cara memperkasakan akal fikiran atau minda orang Melayu demi kepentingan bangsa dalam jangka panjang.

"Saya juga berikrar akan terus berkhidmat dengan kerajaan yang ditunjangi oleh UMNO selagi hayat dikandung badan," katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam ucapan selepas menerima anugerah tersebut daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada majlis Sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-62 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Dengan penganugerahan itu, beliau menerima hadiah pingat emas, wang tu-

nai, plak serta sijil penghargaan.

Pemilihan Ahmad Sarji, 70, adalah berdasarkan sumbangan beliau terutama dalam pembangunan negara melalui bidang pentadbiran awam, ekonomi dan perkembangan intelektual Melayu dan negara.

Beliau memulakan kerjayanya dalam perkhidmatan awam pada tahun 1961 sebaik menamatkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda dari Universiti Malaya.

Sejak itu, beliau terus mendaki tangga dalam perkhidmatan awam sehinggalah dilantik menduduki jawatan tertinggi selaku Ketua Setiausaha Negara pada tahun 1990.

Setelah bersara pada tahun 1996, beliau berkhidmat dalam sektor korporat dan sekarang menjadi pengerusi di empat buah syarikat termasuk PNB dan Northport Corporation Bhd. selain menjadi Timbalan Pengerusi Sime Darby.

Penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan Tahun 1420 Hijrah itu turut menjawat jawatan penting lain seperti Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Pro Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Presiden Persekutuan Lawn Bowls Malaysia.

Ketika ditemui pemberita kemudiannya, Ahmad Sarji berkata, beliau berbangga menerima anugerah itu daripada UMNO iaitu parti politik terbesar di negara ini dan mempunyai rekod yang cemerlang.

Beliau berkata, generasi akan datang juga perlu memahami falsafah perjuangan UMNO yang mendaulatkan institusi Raja Berperlembagaan dan meneliti bagaimana UMNO merancang pelan-pelan pembangunan demi kesejahteraan rakyat dan negara.

"UMNO bukan sahaja sebuah parti politik tetapi juga mempunyai banyak teknokrat dan banyak profesional serta polisi yang mereka rancang itu adalah hasil kecerdasan akal fikiran pemimpin-pemimpin UMNO dan mendapat kerjasama dengan institusi dan lembaga-lembaga dalam tatanegara," katanya.

ABDULLAH Ahmad Badawi menyampalkan Anugerah Melayu Terbilang kepada Ahmad Sarji Abdul Hamid pada majlis perasmian sambutan Ulang Tahun UMNO Ke-62 di PWTC, semalam.

